

# Pasukan khas siasat dakwaan pencemaran sungai berpunca dari Nilai

**SEREMBAN** – Sebuah pasukan khas ditubuhkan oleh kerajaan Negeri Sembilan bagi menyiasat dakwaan pencemaran bau air sungai yang menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih di Selangor ditutup baru-baru ini berpunca dari kawasan perindustrian di Nilai.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kemudahan Awam, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, Datuk Abu Ubaidah Redza berkata, pasukan khas itu membabitkan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Majlis Perbandaran Nilai, Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan, Jabatan Pengairan

dan Saliran Negeri Sembilan serta Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.



**ABU UBAIDAH**

Beliau berharap tidak ada mana-mana pihak lebih awal membuat pengesahan mengenai perkara itu memandangkan siasatan berhubung dakwaan berkenaan sedang berjalan.

“Saya harap jangan kita terus main tuduh-tuduh. Kita tunggu hasil siasatan oleh pasukan khas yang telah ditubuhkan untuk melakukan siasatan,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna

Selangor, Elizabeth Wong pada 23 Oktober lalu mendakwa kawasan perindustrian di Nilai menjadi punca sungai tercemar sehingga menyebabkan penutupan LRA Sungai Semenyih.

Pencemaran bau itu didakwa dikesan bermula dari hulu sungai di Nilai yang menghasilkan bau yang luar biasa mengalir ke Sungai Buah, Dengkil menghala hingga ke muka sauk di Semenyih dengan bangkai ikan mati kelihatan di sekitar sungai di Nilai.

Insiden pencemaran bau air sungai pada 23 Oktober lalu itu menyaksikan LRA Sungai Semenyih terpaksa ditutup kali ketujuh tahun ini menyebabkan gangguan bekalan air di Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang, Selangor.